

06 APR 2001

Kadir-Pata

PEMILIK BANGUNAN DIMINTA PASANG LAMPU MERIAHKAN SIDANG PATA

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini meminta pemilik bangunan, pejabat, pusat membeli-belah dan hotel menghias bangunan mereka dengan lampu sempena persidangan tahunan ke-50 Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (Pata) yang akan bermula di sini Ahad ini.

Beliau berkata mereka masih mempunyai masa berbuat demikian bagi menjadikan bandaraya Kuala Lumpur lebih menarik.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah memasang lampu-lampu perhiasaan di jalan-jalan utama di sekitar bandaraya ini sempena persidangan Pata itu, katanya pada sidang media di sini.

Beliau mencadangkan pemilik yang tidak dapat berbuat demikian supaya menyalakan lampu dalaman bangunan masing-masing.

Abdul Kadir juga meminta orang ramai menjaga tahap kebersihan bandaraya demi imej rakyat dan negara ini.

Abdul Kadir juga meminta orang ramai agar sentiasa bersopan dan menunjukkan budi bahasa yang tinggi terutama apabila berjumpa dengan pelancong asing kerana ramai daripada industri pelancongan dunia dan media akan berada di sini sempena persidangan itu.

"Kalau jumpa pelancong beramah mesralah dan membantu apa yang boleh.

"Ini satu penghormatan besar kepada Malaysia kerana Pata kali ini menyambut Jubli Emas," katanya.

Kira-kira 2,000 orang dijangka menghadiri persidangan lima hari itu, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin ini.

-- BERNAMA

RV RV NAK